

## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil SURAT KREDIT-i (LC-i) Maybank Islamic. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

Nama Produk:  
SURAT KREDIT-i (LETTER OF CREDIT atau LC-i)

Tarikh:

[Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan untuk diisi oleh Kakitangan Jualan]

### 1. APAKAH PRODUK INI?

SURAT KREDIT-I (LC-I) IALAH SUATU DOKUMEN/PERAKUAN BERTULIS YANG DIBERIKAN OLEH BANK PENGELUAR KEPADA BENEFISIARI/PENJUAL ATAS PERMINTAAN PEMOHON/PEMBELI (“PELANGGAN”) UNTUK MEMBAYAR JUMLAH WANG YANG DINYATAKAN SETELAH PENYAMPAIAN DOKUMEN PATUH MENGIKUT TERMA-TERMA LC YANG DIKENAKAN OLEH BENEFISIARI/PENJUAL.

TUJUAN KEMUDAHAN INI ADALAH UNTUK MEMUDAHKAN PEMBELIAN TEMPATAN/IMPORT BARANGAN YANG BERKAITAN DENGAN PERNIAGAAN PELANGGAN.

### 2. APAKAH KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNA PAKAI?

KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNAKAN UNTUK SURAT KREDIT-i:

LC-i - WAKALAH (“AGENSI”)	LC-i MURABAHAH (“KOS TAMBAH”)
DI BAWAH KONTRAK INI, BANK BERTINDAK SEBAGAI EJEN PEMBAYARAN BAGI PIHAK PELANGGAN (PEMBELI) BAGI PENGELUARAN LC-i KEPADA BENEFISIARI (PENJUAL).	DI BAWAH KONTRAK INI, BANK MEMBELI BARANG IMPORT PADA KOS DAN MENJUAL KEPADA PELANGGAN PADA KOS TAMBAH UNTUNG PADA TERMA-TERMA PEMBAYARAN TERTANGGUH.

### 3. APAKAH YANG SAYA DAPAT DARIPADA PRODUK INI?

FAEDAH-FAEDAH MENGGUNAKAN SURAT KREDIT-i;

- PEMBAYARAN KEPADA BENEFISIARI TERJAMIN SETELAH PEMATUHAN KEPADA PENYAMPAIAN DAN PEMOHON MENDAPAT KESELESAAN UNTUK MEMBAYAR SELEPAS BARANGAN DIHANTAR
- SEBAGAI PLATFORM UNTUK KEDUA-DUA PIHAK BERSETUJU DENGAN TERMA-TERMA PERDAGANGAN DAN PENGATURAN PEMBAYARAN YANG EFISIEN
- BOLEH MENDAPATKAN PEMBIAYAAN UNTUK MEMBAYAR BENEFISIARI
- DOKUMEN YANG DIBENTANGKAN AKAN DIPERIKSA OLEH KAKITANGAN BANK YANG BERPENGALAMAN

### 4. APAKAH KEWAJIPAN SAYA?

- MEMPUNYAI PEMBIAYAAN PERDAGANGAN (TRADE) DENGAN BANK SEBELUM PERMOHONAN LC-i.
- MEMBERIKAN MAKLUMAT YANG JELAS DAN TERPERINCI DALAM BORANG PERMOHONAN LC-i.
- MEMATUHI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT YANG MENGAWAL KEMUDAHAN KREDIT PERDAGANGAN ISLAM YANG DIBERIKAN OLEH MAYBANK ISLAMIC SEPERTI YANG DIGARISKAN DALAM SURAT TAWARAN, TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT STANDARD AM YANG MENGELOLA KEMUDAHAN ATAU BORANG PERMOHONAN.

### 5. APAKAH FI DAN CAJ YANG PERLU SAYA BAYAR?

▪ KOMISEN	0.1% SEBULAN ATAU BAHAGIANNYA (MINIMUM RM75)
▪ DUTI SETEM	MENURUT AKTA SETEM 1949
▪ CAJ PENGENDALIAN	RM50 BAGI SETIAP TRANSAKSI
▪ FI DAN CAJ LAIN	SEMUA KOS DAN PERBELANJAAN LAIN, CTH. YURAN GUAMAN DAN CAJ LAIN YANG DITANGGUNG DALAM PENYEDIAAN DOKUMENTASI, KESEMPURNAAN DAN PEMELIHARAAN DOKUMEN SEKURITI BANK.

#### 6. BAGAIMANAKAH JIKA SAYA GAGAL MENUNAIKAN KEWAJIPAN SAYA?

▪ CAJ BAYARAN LEWAT (LPC)	<p>A. BANK BOLEH MELALUI NOTIS BERTULIS KEPADA ANDA, MENUNTUT PEMBAYARAN SEGERA JUMLAH TERTUNGGAK DARIPADA ANDA DAN/ATAU PENJAMIN.</p> <p>B. BANK BERHAK DIBERIKAN PAMPASAN KE ATAS BAYARAN LEWAT DAN/ATAU GAGAL BERDASARKAN MEKANISME BERIKUT:-</p> <p>I. <u>LAMPAU TEMPOH (LEBIHAN)</u> UNTUK KEGAGALAN MEMBAYAR SEBARANG ANSURAN ATAU BAYARAN TERTUNGGAK DARI TARIKH PEMBAYARAN PERTAMA KEMUDAHAN SEHINGGA TAMAT TEMPOH ATAU TARIKH MATANG, JUMLAH LPC BERSAMAAN DENGAN SATU PERATUS (1%) SETIAP TAHUN KE ATAS ANSURAN/BAYARAN TERTUNGGAK ATAU MENERUSI APA-APA KAEDAH LAIN YANG DILULUSKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA (BNM).</p> <p>II. <u>SELEPAS MATANG / PENGHAKIMAN (MANA YANG TERLEBIH DAHULU)</u> LPC PADA KADAR SEMALAMAN PASARAN WANG ANTARA BANK ISLAM HARIAN SEMASA (IIMM) TERHADAP BAKI TERTUNGGAK TERHUTANG DAN PERLU DIBAYAR ATAU MANA-MANA KAEDAH LAIN YANG DILULUSKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA DARI SEMASA KE SEMASA.</p> <p>C. NAMUN, JUMLAH LPC YANG DIKENAKAN KEPADA PELANGGAN TIDAK AKAN DIKOMPANAKAN LAGI.</p> <p>NOTA: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIMULAKAN JIKA ANDA GAGAL MEMBALAS NOTIS PERINGATAN.</p>
▪ HAK UNTUK TOLAK (SET-OFF)	BANK BOLEH MEMBERI NOTIS KEPADA ANDA DAN MENGGABUNGAN, MENGKONSOLIDASIKAN ATAU MENYATUKAN SEMUA ATAU MANA-MANA AKAUN ANDA DAN LIABILITI KEPADA BANK DAN BOLEH MENOLAK (SET-OFF) ATAU MEMINDAHKAN SEBARANG JUMLAH TERTUNGGAK KEPADA KREDIT MANA-MANA AKAUN TERSEBUT DALAM ATAU KEPADA KEPUASAN MANA-MANA LIABILITI KEPADA BANK DI BAWAH FASILITI.

#### 7. BAGAIMANAKAH JIKA SAYA MENYELESAIKAN PEMBIAYAAN SEPENUHNYA SEBELUM MATANG?

TEMPOH 'LOCK IN'	TIADA
YURAN PENALTI PENYELESAIAN AWAL	TIADA

#### 8. ADAKAH SAYA PERLUKAN SEBARANG PERLINDUNGAN INSURANS / TAKAFUL?

IA BERGANTUNG KEPADA TERMA-TERMA YANG TELAH DIPERSETUJUI ANTARA PELANGGAN (PEMBELI) DAN PEMBEKAL.

#### 9. APAKAH RISIKO UTAMA?

PEMBAYARAN KEPADA BENEFISIARI ATAU PENERIMAAN LC-I SELEPAS PEMATUHAN KEPADA PENYAMPAIAN OLEH BENEFISIARI MENURUT TERMA-TERMA LC-I. BANK HANYA AKAN BERURUSAN DENGAN DOKUMEN-DOKUMEN DAN TIDAK BERKEWAJIPAN UNTUK MENJALANKAN

PENGESAHAN BARANG FIZIKAL.

**10. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT PERUBAHAN PADA MAKLUMAT HUBUNGAN SAYA?**

ADALAH PENTING UNTUK ANDA MEMAKLUMKAN SEBARANG PERUBAHAN DALAM MAKLUMAT HUBUNGAN ANDA UNTUK MEMASTIKAN SEMUA SURAT-MENYURAT SAMPAI KEPADA ANDA TEPAT PADA MASANYA. UNTUK MENGEMASKINI BUTIRAN HUBUNGAN ANDA, ANDA BOLEH MEMAKLUMKAN KEPADA KAMI SECARA BERTULIS ATAU MENGHUBUNGI KAMI MELALUI SALAH SATU SALURAN, CTH: M2U ATAU CAWANGAN ASAL.

**11. BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH DAPATKAN BANTUAN DAN PENYELESAIAN?**

- I) JIKA ANDA MENGALAMI KESUSAHAN DALAM MEMBUAT PEMBAYARAN, ANDA HENDAKLAH MENGHUBUNGI KAMI LEBIH AWAL UNTUK MEMBINCANGKAN ALTERNATIF PEMBAYARAN. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI DI:

NAMA CAWANGAN :

ALAMAT :

FAKS : E-MEL :

- II) SEBALIKNYA, ANDA BOLEH MENDAPATKAN PERKHIDMATAN AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK), SEBUAH AGENSI YANG DITUBUHKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERCUMA PENGURUSAN WANG, KAUNSELING KREDIT, PENDIDIKAN KEWANGAN DAN PENSTRUKTURAN SEMULA HUTANG. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI AKPK DI:

TINGKAT 5 DAN 6, MENARA BUMIPUTRA-COMMERCE

JALAN RAJA LAUT

50350 KUALA LUMPUR

TEL : 03-2616 7766 LAMAN WEB: SERVICES.AKPK.ORG.MY

- III) JIKA PERTANYAAN ATAU ADUAN ANDA TIDAK DISELESAIKAN OLEH KAMI, ANDA BOLEH MENGHUBUNGI PAUTAN BANK NEGARA MALAYSIA ATAU TELEPAUTAN DI:

BLOCK D, BANK NEGARA MALAYSIA JALAN DATO' ONN

50480 KUALA LUMPUR

TEL : 1-300-88-5465

FAKS : 03-21741515 EMEL : [BNMTELELINK@BNM.GOV.MY](mailto:BNMTELELINK@BNM.GOV.MY)

**12. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?**

JIKA ANDA MEMPUNYAI PERTANYAAN LANJUT, SILA HUBUNGI KAMI DI:

CAWANGAN:

ALAMAT :

TEL :

E-MEL:

**PENAFIAN**

MAKLUMAT, TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT DALAM HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI ADALAH INDIKATIF DAN TIDAK MENGIKAT TERHADAP BANK. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AKHIR DIMASUKKAN DALAM SURAT TAWARAN SELEPAS PENILAIAN KREDIT DAN KELULUSAN AKHIR OLEH BANK.

**NOTA PENTING:**

BANK BERHAK UNTUK MENERUSKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBAYAR BAYARAN ANSURAN BULANAN ANDA ATAS PEMBIAYAAN PERNIAGAAN.

MAKLUMAT YANG DIBERIKAN DALAM HELAIAN PENDEDAHAN INI ADALAH SAH MULAI [MONTH/YEAR]